

29/09/2002

Nik Aziz belum tetap bila minta maaf

KOTA BHARU: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan tindakannya mengakui tersilap cakap ketika mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak tahu membaca al-Quran, adalah sebahagian daripada permohonan maaf.

Justeru, beliau beranggapan mana-mana pihak tidak wajar terus membuat pelbagai desakan supaya isu itu berlarutan, termasuk meminta maaf kepada Dr Mahathir secara terbuka.

Sambil menegaskan tetap dengan pendirian untuk memohon maaf di pentas ceramah, Nik Abdul Aziz berkata beliau belum menetapkan bila atau di mana untuk berbuat demikian.

"Saya dah mengaku saya salah cakap, ingatkan cukuplah tapi ada pula pihak kata tak cukup, kena minta maaf.

"Itu yang saya sebut oleh kerana saya salah cakap dalam ceramah, nak minta maaf pun kena waktu ceramah... ceramah mana satu tak tahulah lagi.

"Kalau nak (dengar), kena ikutlah mana saya pergi ceramah... kalau ceramah pertama tak ada, kena balik dulu dan datang ceramah kedua. Kalau itu pun tak ada, balik pulak dan mari (datang) masa (ketika) ceramah ketiga hingga seterusnya.

"Macam-macam gangguan... dia ganggu kita, kita pun ganggulah dia," katanya berucap menutup Perhimpunan Muslimat Pas Kelantan dan penubuhan Hal Ehwal Wanita (Halwa) Pas Kelantan di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, semalam.

Rabu lalu, Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, mengakui tersilap ketika berceramah dengan mendakwa Dr Mahathir sebagai tidak pandai membaca al-Quran.

Katanya, apa yang ingin dikatakan sebenarnya ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab dan menyatakan kesediaan memohon maaf berhubung perkara itu kerana mendakwa berada dalam keadaan `separuh tidur dan separuh jaga' ketika berceramah pada malam terbabit.

Ahad minggu lalu, seorang ahli perniagaan membuat laporan polis berhubung kenyataan berbentuk fitnah Nik Abdul Aziz terhadap Perdana Menteri.

Mohd Zain Yasim, 35, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Bachok kira-kira jam 5.40 petang, bersama kaset dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Abdul Aziz sebagai bukti.